

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENEGASAN DAN PENGESAHAN SHARIAH

Tatacara Pembelian Emas Secara Patuh Shariah

Syarikat dan Semua Galeri Hana Gold Sdn Bhd

Saya dengan ini menegaskan ciri Patuh Shariah kepada pembelian barangan emas dari Syarikat Hana Gold adalah seperti berikut :

1. **SYILING, WAFER DAN JONGKONG EMAS:** Semua pembeli emas kategori syiling emas, gold wafer dan gold bar keluaran Hana Gold **DIWAJIBKAN**
 - a. Membayar secara TUNAI 100 % HARGA tanpa sebarang tangguh.
 - b. Manakala Pihak Hana Gold **WAJIB** menyerahkan emas dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh pembayaran dilakukan.
 - c. Sebarang kelewatan bayaran atau serahan dalam tempoh 3 hari adalah transaksi haram riba.
 - d. Saya tidak bertanggungjawab atas sebarang transaksi salah berikut (jika berlaku). Penangguhan dalam pembelian item emas jenis ini **TIDAK DIBENARKAN** oleh Majlis Fiqh Antarabangsa dan Majlis Fatwa Kebangsaan berdasarkan hadis Nabi yang jelas.

Justeru, bagi melancarkan proses di atas,

- a. Pihak Hana Gold perlu mewujudkan satu lokasi simpanan stok tersedia.
 - b. Apabila pembelian ingin dilakukan, setelah membayar penuh, pembeli boleh sama ada melantik Galeri terdekat dengan lokasi stok untuk menerima emas ATAU pergi secara langsung ke lokasi serahan untuk menerima emas yang dibeli.
-
2. **EMAS PERHIASAN:** Semua pembeli emas perhiasan di galeri-galeri Hana Gold **DIMESTIKAN**
 - a. Membayar 95 % dari harga penuh. 95 % tu adalah mewakili pembayaran TUNAI pembelian emas mentah oleh Hana Gold. Manakala 5 % adalah harga pertukangan menggunakan kontrak Istisna'.
 - b. Pihak Hana Gold akan menyerahkan emas perhiasan yang ditempah kepada pembeli dalam tempoh 15 hingga 30 hari. Manakala bagi perhiasan emas berbatu dan 'custom made' tempoh serahan sehingga 45 hari.
 - c. Jika pihak Hana Gold gagal menyerahkan emas yang diminta dalam tempoh itu, pembelian **BOLEH DIBATALKAN** serta merta dan pihak syarikat akan **MEMULANGKAN** semula semua nilai wang yang telah dibayar.



d. Penangguhan dalam serahan **EMAS JENIS PERHIASAAN** yang disediakan oleh Hana Gold sehingga tempoh 45 hari ini **DIBENARKAN** di dalam Islam atas dasar Istisna' dan Fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan yang menyatakan pembelian perhiasan emas boleh diserahkan secara bertangguh.

3. **EMAS PERHIASAN LAMA YANG DICAIRKAN** : Semua perhiasan akan dicairkan oleh pihak syarikat bertawliah

- a. Pelanggan akan dimaklumkan berat emas yang sebenar dalam kiraan gram.
- b. Emas perhiasan bentuk baru yang dipinta akan diserahkan kepada pembeli dalam tempoh 2-3 bulan.
- c. Jika gagal, pihak Hana Gold akan membayar nilai semasa emas yang telah dicairkan **BOLEH** mengikut **HARGA SEMASA** atau **harga persetujuan bersama yang dikunci**.
- d. Kiraan perlu menurut berat yang ternyata dalam sijil yang dikeluarkan dan disahkan oleh *assayer* emas bertawliah (syarikat pencair emas).
- e. Pihak Hana Gold hanya akan memaklumkan harga tepat SELEPAS mendapat keputusan jumlah gram sebenar dari *assayer*.
- f. Jika pihak pelanggan ingin menambah jumlah gram emas dari perhiasan asal yang dicairkan, harga emas tambahan akan dimasukkan dalam keseluruhan harga (harga kos pertukangan RM 15 per gram + gram tambahan).
- g. Harga emas tambahan akan mengikut harga semasa pada waktu pengesahan gram pada perhiasan lama diputuskan oleh *assayer*.



Dr. Zaharuddin Abd Rahman

Penasihat Syariah, Hana Gold Sdn Bhd

24 September 2013